

PERKHIDMATAN RUNDINGCARA PROGRAM KEPASTIAN KUALITI VETERINAR

LATAR BELAKANG

Perkhidmatan rundingcara program kepastian kualiti veterinar diperkenalkan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar sekitar tahun 1980-an bertujuan untuk memberikan khidmat nasihat dan bimbingan berkaitan keperluan Skim Pensijilan Veterinar kepada pengusaha ladang ternakan, pusat penetasan, premis walit, loji sembelihan dan loji pemprosesan produk makanan berdasarkan ternakan yang berminat atau yang berpotensi dalam menyertai Skim Pensijilan Veterinar.

Skim Pensijilan Veterinar yang bermula dengan *Pullorum Free Farm Certification Scheme* telah diperkenalkan pada tahun 1980. Ianya disusuli dengan berbagai jenis pensijilan lain yang dibangunkan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar bagi menyokong pelaksanaan sistem pengurusan kualiti, kesihatan ternakan dan keselamatan makanan kepada industri ternakan bermula dari ladang ternakan, pusat penetasan, premis walit, loji sembelihan dan loji pemprosesan produk makanan berdasarkan ternakan supaya mampu bersaing di pasaran tempatan dan berupaya untuk menembusi pasaran antarabangsa.

Senarai pensijilan di bawah Jabatan Perkhidmatan Veterinar dan tahun diperkenalkan:

Jenis Pensijilan	Tahun
1. <i>Pullorum Free Farm Certification Scheme</i>	1980
2. <i>Abattoir and Establishment Certification Scheme</i>	1981
3. <i>Veterinary Health Mark (VHM)</i>	1984
4. <i>Export Farm Certification Scheme</i>	1990
5. <i>Salmonellas Free Poultry Farm Certification</i>	2000
6. <i>Livestock Farm Certification Scheme (SALT)</i>	2003
7. <i>Good Veterinary Hygienic Practices (GVHP)</i>	2007
8. Sijil Pengesahan Bebas Penyakit Haiwan	2009
9. Sijil Pengiktirafan Makmal Swasta	2011
10. <i>Malaysian Good Agricultural Practices (myGAP)</i>	2013
11. <i>Malaysian Organic (myOrganic)</i>	2015

Hanya pensijilan *Malaysian Organic*, *Veterinary Health Mark*, *Good Veterinary Hygienic Practices*, Sijil Pengesahan Bebas Penyakit Haiwan dan Sijil Pengiktirafan Makmal Swasta masih kekal aktif, pensijilan *Livestock Farm Certification Scheme* telah dijenamakan semula kepada pensijilan *Malaysian Good Agricultural Practices*, manakala lain-lain pensijilan telah dimansuhkan.

Selaras dengan konsep kepastian kualiti ‘Dari ladang ke meja hidangan (*From farm to table*)’, rundingcara program kepastian kualiti veterinar menerapkan amalan penternakan yang baik dan amalan pengilangan yang baik yang bermula daripada pengeluaran bahan mentah diperingkat ladang sehingga ke pengeluaran produk makanan berdasarkan ternakan diperingkat loji sembelihan dan loji pemprosesan. Amalan yang baik ini turut merangkumi rekabentuk bangunan dan kemudahan infrastuktur yang tepat dan lengkap bagi mengukuhkan lagi kawalan biosekuriti dan kawalan pencemaran, termasuk pembangunan dokumen kualiti dan pengurusan rekod.

Tugas rundingcara program kepastian kualiti veterinar ini pada awalnya telah diagih-agihkan kepada Pegawai Audit Veterinar di seluruh Jabatan Perkhidmatan Veterinar. Namun, tugas tersebut kini telah dipertanggungjawabkan kepada Seksyen Rundingcara dan Kepastian Kualiti (SRKK) yang merupakan sebuah seksyen yang diwujudkan di bawah penstrukturran semula Jabatan Perkhidmatan Veterinar tahun 2019, yang pada mulanya berada di Bahagian Regulatori Veterinar, kini diletakkan di Bahagian Pembangunan Industri Ternakan.

DEFINISI

1. Rundingcara:

Proses analisa, penilaian dan audit yang dijalankan oleh pegawai sumber dan pakar bagi tujuan mengenalpasti ketidakakururan, masalah dan potensi sesuatu bidang usaha setelah melalui proses mengemukakan syor untuk pertimbangan dan pelaksanaan pelanggan.
(Rujukan: APTVM Khidmat Nasihat Pelanggan dan Pengembangan Veterinar [APTVM 21(b):1/2010])

2. Program Kepastian Kualiti:

Semua aktiviti merangkumi rekabentuk, pembangunan, pengurusan, pengeluaran, perkhidmatan, dokumentasi dan proses pemeriksaan.

(Rujukan: Manual Prosedur Veterinary Health Mark, Cetakan Kedua - Mac 2012)

3. Program Kepastian Kualiti Veterinar:

Semua aktiviti yang merangkumi rekabentuk, pembangunan, pengurusan, pengeluaran, perkhidmatan, dokumentasi dan proses pemeriksaan yang memenuhi keperluan Jabatan Perkhidmatan Veterinar berpandukan kepada Akta Binatang 1953 (semakan 2013), Akta Makanan Haiwan 2009, Akta Kebajikan Haiwan 2015 dan lain-lain akta yang berkuatkuasa dalam negara; peraturan-peraturan; standard Malaysia GAHP (*Good Animal Husbandry Practices*), GMP (*Good Manufacturing Practices*) dan HACCP (*Hazard Analysis and Critical Control Points*); garispanduan; kod amalan veterinar; dan keperluan negara pengimport; yang berkaitan dengan penternakan dan pemprosesan produk makanan berasaskan ternakan.

RUNDINGCARA PROGRAM KEPASTIAN KUALITI VETERINAR

Rundingcara program kepastian kualiti veterinar merupakan rundingan kepakaran oleh pegawai Seksyen Rundingcara dan Kepastian Kualiti (Pegawai Rundingcara), yang memberikan bimbingan dan panduan kepada pengusaha ladang ternakan, pusat penetasan, premis walit, loji sembelihan dan loji pemprosesan produk makanan berasaskan ternakan yang berminat atau berpotensi dalam membangunkan sistem kepastian kualiti di ladang dan loji selaras dengan keperluan Skim Pensijilan Veterinar iaitu pensijilan *Malaysian Good Agricultural Practices* (myGAP), *Malaysian Organic* (myOrganic), *Veterinary Health Mark* (VHM) dan *Good Veterinary Hygienic Practices* (GVHP).

Pensijilan myGAP dan myOrganic menekankan amalan penternakan yang baik di ladang ternakan, pusat penetasan dan premis walit yang turut meliputi aspek kesihatan ternakan dan biosekuriti bagi memastikan ternakan dan hasilan ternakan adalah bebas daripada penyakit dan selamat untuk dijadikan makanan. Pensijilan myGAP melibatkan ternakan yang

diuruskan secara konvensional, manakala pensijilan myOrganic melibatkan ternakan yang diuruskan secara organik.

Manakala pensijilan VHM dan GVHP pula menekankan amalan pengilangan yang baik di loji sembelihan dan loji pemprosesan produk makanan berasaskan ternakan yang turut meliputi aspek kualiti dan keselamatan makanan berasaskan ternakan bagi memastikan produk yang dihasilkan adalah selamat untuk dimakan dan tidak menjadi punca perebakkan penyakit kepada ternakan lain sekiranya tidak diproses atau dikawal dengan kaedah yang betul. Pensijilan VHM turut merangkumi analisa kemudaratan dan kawalan titik kritikal.

Bagi meningkatkan pengetahuan, pemahaman, kemahiran, komitmen dan keyakinan pengusaha, dan membolehkan mereka menguruskan, melaksana dan memantau program kepastian kualiti veterinar dengan lancar dan berkesan, rundingcara akan dijalankan dalam tiga (3) peringkat, iaitu:

1. Rundingcara Pelan Susunatur Premis

Bimbingan dan panduan dalam penyediaan pelan susunatur premis, bahan-bahan binaan dan bahan pembuatan peralatan, yang mematuhi keperluan amalan baik.

2. Rundingcara Pembangunan Dokumen Kualiti

Bimbingan dan panduan dalam pembangunan dokumen kualiti termasuk prosedur kerja dan memastikan operasi yang dijalankan mematuhi piawaian yang ditetapkan bagi memenuhi keperluan amalan baik.

3. Rundingcara Amalan Baik di Lapangan

Pemeriksaan verifikasi amalan baik di lapangan supaya selaras dengan yang didokumenkan dalam dokumen kualiti, serta bimbingan dan panduan.

Pegawai Rundingcara mempunyai kemahiran untuk berkomunikasi dan berinteraksi dengan pengusaha bagi mendapatkan maklumat yang berkaitan, berupaya membuat analisa serta mampu memberikan ulasan dan cadangan yang bermanfaat kepada pelanggan untuk tujuan penambahbaikan kepada amalan penternakan dan pengilangan yang baik.

Bagi pengusaha yang ingin membangunkan ladang atau loji yang baharu, Pegawai Rundingcara boleh membantu dalam penyediaan pelan susunatur premis serta bahan-bahan binaan yang bersesuaian bagi memastikan aktiviti penternakan atau pengilangan yang dijalankan nanti akan mematuhi amalan penternakan yang baik atau amalan pengilangan yang baik. Ini adalah sebagai persediaan awal dan langkah pencegahan dalam memastikan proses pengubahsuaian premis tiada akan berlaku lagi apabila pengusaha telah bersedia untuk menyertai Skim Pensijilan Veterinar dikemudian hari. Dengan usaha ini, pengusaha dapat menjimatkan masa dan tenaga, dan yang paling penting, dapat menjimatkan wang yang diperuntukkan.

PROSEDUR RUNDINGCARA PROGRAM KEPASTIAN KUALITI VETERINAR

1. Lengkapkan borang Maklumat Pelanggan Rundingcara dan serahkan kepada Seksyen Rundingcara dan Kepastian Kualiti.

[Borang Maklumat Pelanggan Rundingcara](#)



SCAN ME

atau

<https://www.dvs.gov.my/index.php/pages/view/1874>

2. Ketua Seksyen Rundingcara dan Kepastian Kualiti melantik Pegawai Rundingcara bagi menguruskan kes rundingcara.
3. Pegawai Rundingcara menjalankan rundingcara dan membantu pengusaha sehingga patuh kepada keperluan Skim Pensijilan Veterinar.
4. Ketua Seksyen Rundingcara dan Kepastian Kualiti membuat semakan ulasan rundingcara.
5. Pegawai Rundingcara memantau tindakan pembetulan atau penambahbaikan yang diambil oleh pengusaha.
6. Pegawai Rundingcara membuat pengesahan terhadap tindakan pembetulan atau penambahbaikan yang dibuat oleh pengusaha.

7. Pegawai Rundingcara menyediakan laporan rundingcara dan disahkan oleh Ketua Seksyen Rundingcara dan Kepastian Kualiti.
8. Seksyen Rundingcara dan Kepastian Kualiti mengeluarkan sokongan bagi pengusaha yang layak untuk menyertai Skim Pensijilan Veterinar kepada Seksyen Pensijilan Veterinar.

CAJ PERKHIDMATAN

Perkhidmatan rundingcara adalah **PERCUMA**.

Disediakan oleh:

Seksyen Rundingcara dan Kepastian Kualiti

Bahagian Pembangunan Industri Ternakan

Jabatan Perkhidmatan Veterinar

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan

Aras G, Lot 4G2

Blok Podium 1, Wisma Tani

No. 28, Persiaran Perdana, Presint 4

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62630 Putrajaya

Malaysia

Tel: 03 8870 2000 / 2446 / 2449 / 2461

emel: srkk@dvs.gov.my

Website: www.dvs.gov.my

Kemaskini: 12 Mac 2024